

28 OCT 1999

JANGAN FIKIRKAN KERUSI TAPI KEMENANGAN BN, KATA IBRAHIM

PULAU PINANG, 27 Okt (Bernama) -- Anggota Umno hari ini diminta tidak membangkitkan soal calon pada pilihan raya akan datang sebaliknya mengutamakan kepentingan Barisan Nasional (BN) untuk memenangi pilihan raya itu.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Dr Ibrahim Saad hari ini berkata, soal siapakah yang akan jadi calon dan dimanakah akan bertanding sebenarnya tidak harus dibincangkan kerana ia adalah di bawah bidang kuasa presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Adalah tidak wajar bagi pemimpin di peringkat bahagian membuat sebarang tuntutan atau permintaan mengenai pemilihan calon di kawasan mereka sekarang, katanya kepada pemberita di sini.

"Sekarang adalah masanya untuk kita menumpukan perhatian sepenuh bagi mencapai kejayaan BN dan bukannya membincangkan siapa bertanding di mana", katanya mengulas ura-ura kononnya beliau akan dipilih untuk bertanding di kawasan Parlimen Permatang Pauh dekat sini.

Kerusi Parlimen itu sebelum ini disandang oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah.

Ibrahim yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan adalah Ketua Umno Bahagian Bukit Mertajam dan anggota Parlimen kawasan Tasek Gelugor.

-- BERNAMA

AA RHM